



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 49

**8hb Jun 2006**

No. 12

---

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 29.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Maslina binti Che Lin @ Halim, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 17 Ogos 2006 pada 10.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM288,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lapan Puluh Lapan Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada \*pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM103,154.77. Nama pemegang gadaian—Southern Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM28,800.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Lapan Ribu Lapan Ratus Sahaja);

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

64

[8hb Jun 2006]

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada Satu Ratus Dua Puluh Hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 14 Disember 2006 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Perlis. No. Lot/Petak/P.T.—PT 338. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 261. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 538/2001 (Satu Hakmilik Sahaja).

Bertarikh 11 Mei 2006  
[PTG.(Ps.)(R) 1/80 F 1359(23)]

MASLINA BINTI CHE LIN @ HALIM  
*Penolong Pentadbir Tanah*  
*Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR STAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA